

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [ RASAH ]**

**TARIKH : 6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini pembinaan SJKT di kawasan Taman Rasah Jaya/Taman Thivy Jaya, yang pernah dijanjikan oleh KPM beberapa tahun yang lalu, sama ada ia merupakan sekolah yang baru atau dipindahkan dari lokasi yang kurang murid.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 14 April 2014, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memberi kelulusan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Ladang Perhentian Tinggi, Sg. Gadut, Negeri Sembilan untuk berpindah ke tapak baharu hak milik Koperasi Pekerja Jaya Berhad di Mukim Rasah, Daerah Seremban Negeri Sembilan seluas 1.56 ekar.

SJKT Ladang Perhentian Tinggi merupakan sekolah bantuan kerajaan yang mempunyai enrolmen murid seramai 40 orang dengan bilangan guru 10 orang. Sekolah ini berstatus sekolah bantuan kerajaan yang berada dalam kategori sekolah kurang murid. Perpindahan ini diberikan berdasarkan justifikasi bahawa sekolah sedia ada menghadapi enrolmen yang semakin menurun akibat migrasi masyarakat India daripada kawasan ladang tersebut serta tapak baharu yang dicadangkan berpotensi untuk menyumbang kepada peningkatan enrolmen.

Walau bagaimanapun, sehingga kini permohonan untuk pembinaan sekolah ini masih belum dikemukakan kepada KPM oleh pihak Lembaga Pengelola Sekolah yang bertanggungjawab untuk membiaya kos pembinaan sekolah ini di tapak baharu. Berdasarkan peruntukan di dalam Akta Pendidikan 1996 di bawah Seksyen 83, sebarang cadangan untuk pembinaan bangunan baharu perlu dikemukakan untuk kelulusan KPM sebelum pembinaan boleh dijalankan bagi memastikan pembinaan tersebut mematuhi prosedur yang ditetapkan serta tiada implikasi bebanan kos pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.